


JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu,
SABAH, MALAYSIA
Tel.: 088-368900
Laman web: jpkn.sabah.gov.my



Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLB 2 C111)
Tarikh : 03 Mac 2025

**SEMUA TIMBALAN PENGARAH
SEMUA KETUA PENOLONG PENGARAH
SEMUA KETUA CAWANGAN
SEMUA KETUA PASUKAN INOVASI DIGITAL**

Tuan/Puan,

PEKELILING DALAMAN JPKN BIL.1/2025

**TANDA TANGAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN
KOMPUTER NEGERI**

Dengan hormatnya, saya merujuk berhubung perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, semua dokumen yang perlu dihantar ke agensi luar terutamanya berkaitan perkhidmatan, perjawatan dan kepada Pengurusan Tertinggi Agensi Kerajaan Negeri Sabah hendaklah ditandatangani **hanya oleh Ketua Jabatan iaitu Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri**. Walau bagaimanapun, didapati terdapat pegawai yang tidak memenuhi penetapan tersebut.

3. Pegawai selain ketua jabatan hanya dibenarkan untuk menandatangani dokumen yang telah diarahkan sesuai dengan bidang kuasa yang telah ditetapkan dan sekiranya ketua jabatan bercuti atau berkursus dalam tempoh yang panjang.

4. Kerjasama dan tindakan tuan/puan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Profesionalisme Teras Keunggulan'


PERNYWATI DEWI ABAS)

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah

PIAA/ea



"SABAH MAJU JAYA"